

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATO PROF DR KAMARUDDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS SANTAPAN MALAM
ISTIADAT KONVOKESYEN KE-6 UniMAP
PADA 16 SEPTEMBER 2011 DI DEWAN WARISAN, KANGAR**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam
Satu Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Tuanku Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua berkenan meneruskan tradisi bercemar Duli berangkat hadir ke Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen Ke-6 UniMAP pada malam ini.

Sesungguhnya, Patik dan seluruh warga UniMAP amat berbangga kerana dikurniakan seorang Canselor yang begitu komited dan memberi kerjasama penuh dalam setiap aktiviti di universiti yang Tuanku naungi ini. Warga UniMAP berdoa moga Duli Tuanku Berdua dikurniakan kesihatan yang berpanjangan agar dapat terus bersama dalam majlis-majlis di masa mendatang.

Ampun Tuanku, Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para graduan yang diraikan.

Yang Berhormat, Tuan Haji Sabry Ahmad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan Isteri, Wakil Kepada YAB Menteri Besar Perlis.

Yang Berhormat Datuk Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yg Bhg Datin,

Yang Arif Tuan Mohd. Zaki Bin Abd. Wahab, Hakim Mahkamah Tinggi dan Isteri.

Yang Berhormat, Datuk Azizan Bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yg. Bhg Datin

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Isteri,
Bahagian Media PNC –Suhana Edited Prof Zuraidah

Penerima-penerima Ijazah Kehormat, Yang Berbahagia Tan Sri Zulkefli A. Hassan dan Puan Sri. Yang Berbahagia Dr. R. Vasant Kumar dan Yang Berusaha Encik Mohd Parid Sulaiman.

Y. Berbahagia Tan Sri Dato Seri Dr. Haji Zainul Ariff Bin Haji Hussain, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Yang Berbahagia Puan Seri.

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Yang Berbahagia, Dif-Dif Kehormat, Naib-naib Canselor IPTA atau wakil dan Naib Canselor/Rektor universiti luar negara atau wakil, dan Wakil-wakil Industri,

Dif-Dif Kehormat,

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP, pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil Media yang dihormati, Warga kerja dan para graduan UniMAP yang dikasihi sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair, Sawadi Kharp

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang memanjangkan usia serta memberikan kesihatan yang baik buat kita hingga membolehkan kita berhimpun dalam Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen Ke-6 UniMAP pada malam ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada barisan tetamu serta dif-dif kehormat yang sudi hadir dan memeriahkan lagi majlis malam ini.

Jutaan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa Majlis Santapan Malam yakni kakitangan PPK Bioproses kerana telah bertungkus lumus memastikan kelancaran majlis malam ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda amat saya hargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Serasa pantas masa berlalu, dalam sekelipan mata, esok akan terlakar satu kenangan baru yang terpahat dalam kalendar akademik UniMAP apabila kita meraikan graduan-graduan pada Istiadat Konvokesyen kali Ke-6 di mana 1,237 pelajar akan bergraduat dengan 4 daripadanya menerima Ijazah Doktor Falsafah, 58 Ijazah Sarjana, 953 Ijazah Sarjana Muda serta 222 penerima Diploma.

Dengan jumlah terbaru ini, UniMAP secara rasminya telah melahirkan sejumlah **4,751** orang graduan pelbagai peringkat sepanjang 9 tahun penubuhannya.

BIL	KOHORT	JUMLAH GRADUAN
01	Istiadat Konvokesyen Pertama	111
02	Istiadat Konvokesyen Kedua	563
03	Istiadat Konvokesyen Ketiga	652
04	Istiadat Konvokesyen Keempat	1,012
05	Istidat Konvokesyen Kelima	1,176
06	Istiadat Konvokesyen Keenam	1,237
	JUMLAH	4,751

Alhamdulillah, sebagai Naib Canselor, saya amat gembira kerana dapat bersama Universiti yang tercinta ini dari istiadat Konvokesyen pertama yang menyaksikan 111 orang graduan menerima ijazah hingga ke istiadat yang keenam ini. Sesungguhnya upacara konvokesyen merupakan antara detik terindah yang ingin dilalui semua orang tetapi hanya yang bertuah dan layak sahaja dapat merasai pengalaman indah ini.

Hadirin sekalian,

Imam Al-Ghazali ada menyatakan :

Ciri yang membezakan manusia dan haiwan adalah ilmu. Manusia menjadi mulia kerana ilmu, tanpa ilmu

Bahagian Media PNC –Suhana Edited Prof Zuraidah

mustahil ada kekuatan. Ilmu itu kehidupan hati daripada kebutaan, sinar penglihatan daripada kezaliman dan tenaga badan daripada kelemahan. Justeru, bersungguh – sunguhlah engkau dalam menuntut ilmu, jauhilah kemalasan dan kebosanan kerana jika tidak demikian engkau akan berada dalam bahaya kesesatan.

Apa yang digambarkan oleh Imam al-Ghazali itu jelas menunjukkan bahawa kegagahan atau kehebatan manusia adalah kerana **ilmu**.

Lukman al- Hakim, dalam wasiatnya juga berkata: "Wahai anakku yang tercinta, janganlah sampai ayam jantan itu lebih bijak daripada engkau. Ia berkокok di waktu sahur sedangkan engkau masih tidur lagi".

Wasiat ini juga membuktikan soal menuntut ilmu mesti menjadi agenda utama dalam kehidupan kita seharian tidak kira di rumah, institusi atau dalam pengurusan negara. Hanya dengan ilmu sahaja kita mampu melahirkan modal intelektual dan inilah sebenarnya peranan UniMAP – iaitu mencurahkan sebanyak mungkin ilmu untuk melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Izinkan saya menceritakan sedikit sebanyak perkembangan UniMAP sejak ditubuhkan pada tahun 2002 sehingga kini.

Dengan kekuatan yang sentiasa diperkasa, dan menyedari kelemahan yang sentiasa dipantau dan diminimumkan, UniMAP pada hari ini berkeyakinan tinggi dan dengan sepenuh keikhlasan menawarkan dirinya kepada masyarakat setempat dan antarabangsa sebagai '**Universiti Pilihan yang Berdaya Saing**'.

Dari hanya dua program pengajian pada tahun 2002, UniMAP kini menawarkan **enam** program diploma, **dua puluh satu** program sarjana muda kejuruteraan, **satu** program perniagaan antarabangsa, **satu** program keusahawanan kejuruteraan, **16** program sarjana sains dan doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang khusus kejuruteraan. Program-program ini Alhamdulillah telah mendapat pengiktirafan dari Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Terbaru, pada sesi pengambilan tahun ini, UniMAP memperkenalkan satu program akademik baru iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian)(Bioteknologi Industri). Ia adalah sebahagian daripada usaha kita Bahagian Media PNC –Suhana Edited Prof Zuraidah

merealisasikan aspirasi Kerajaan yang menetapkan bahawa kesemua universiti di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) menawarkan program Engineering Technology yang bermatlamat menjana tenaga kerja profesional yang mempunyai kemahiran seimbang dalam aspek teknologi dan kejuruteraan.

UniMAP juga telah berkembang dalam melahirkan tenaga kerja profesional. Dari hanya 20 orang kakitangan akademik, UniMAP kini memiliki hampir 500 tenaga kerja profesional yang meliputi Professor, Professor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah dan Pegawai Latihan Vokasional.

Tenaga kerja pentadbiran dan sokongan juga menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu menghampiri 1,000 orang. Perkembangan bilangan tenaga kerja ini bukan sahaja melambangkan kemajuan UniMAP tetapi ia juga satu indikator yang membuktikan negeri Perlis kini dibanjiri golongan profesional.

Pada tahun pertama kewujudannya, hanya 119 pelajar mendaftar dan sehingga tahun ini – 2011, terdapat hampir 8,000 pelajar dengan yang terbaru mendaftar sekitar 1,700 orang minggu lalu. Alhamdulillah, pada pengambilan tahun ini sahaja, UniMAP berjaya mencatatkan pengambilan pelajar sekitar 2,100 pelajar (termasuk ambilan Diploma pada bulan

Bahagian Media PNC –Suhana Edited Prof Zuraidah

Jun lalu), dan jumlah ini dijangka meningkat menjelang pengambilan kedua pelajar Ijazah minggu hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Setelah 9 tahun usia, pelebaran sayap UniMAP di persada antarabangsa amat membanggakan. Fokus kita tahun ini ialah mengukuhkan kedudukan di persada antarabangsa sebagaimana termaktub di dalam teras strategik Universiti bagi tempoh 2011-2015, di mana **“Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah”** menjadi temanya.

Justeru, pengambilan pelajar antarabangsa yang bermula sejak 2008 ditingkatkan. Dari seramai 38 orang yang diambil dahulu, sehingga September 2011, terdapat 140 orang pelajar antarabangsa. Ini tidak termasuk pelajar pasca siswazah dari luar negara yang berjumlah 120 orang. Mereka ini sedang mengikuti pengajian di peringkat Master dan PhD.

Selain itu, UniMAP sudah menandatangani lebih 80 MoU dengan universiti dan institusi daripada 25 buah negara. Bagaimanapun, proses pengantarabangsaan di kalangan pelajar telah bermula lebih awal lagi iaitu pada tahun 2006 di mana program pertukaran pelajar mula diperkenalkan.

Sehingga kini hampir 60 orang pelajar UniMAP telah terlibat, yang mana segelintir mereka dibiayai rakan-rakan antarabangsa UniMAP. Dalam tempoh itu juga seramai 57 pelajar dari Jerman, Indonesia, China, dan banyak lagi turut datang ke UniMAP bagi menjalani program yang sama.

Keterlihatan antarabangsa UniMAP dikukuhkan lagi dengan pelbagai pengiktirafan peringkat global yang diterima. Ini meliputi aspek akademik, penyelidikan dan pembangunan, hal ehwal pelajar serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP kini mula memanjat carta pemeringkatan (*ranking*) dan penarafan (*rating*) universiti peringkat nasional dan antarabangsa. Berdasarkan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2009 (SETARA) yang melihat, antara lain, kepada kualiti pembelajaran-pengajaran yang diamalkan, UniMAP mendapat skor 69.4%. Dari itu ia berjaya menempatkan diri dalam kelompok “**universiti tier 4**” dengan kedudukan “**sangat baik**”. Ini suatu peningkatan jika dibandingkan dengan skor UniMAP pada tahun 2007 di mana kita mendapat 42.3% dan dikategorikan sebagai universiti yang “memuaskan”.

Dalam penyelidikan pula, UniMAP menempa nama yang mengagumkan. Ini dibuktikan apabila ia diiktiraf sebagai **“universiti 4-bintang”** oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui MyRA, iaitu Penilaian Tahap Penyelidikan dan Inovasi IPTA. Ini bermakna UniMAP menduduki tangga ke-6 daripada 20 buah universiti awam dan swasta di negara ini. Alhamdulillah, dalam tempoh hanya setahun sahaja, kita berjaya mengubah kedudukan dari tiga bintang ke empat bintang.

Dan terbaru, pada pertandingan PECIPTA yang baru berakhir semalam, UniMAP berjaya menggegarkan pentas PECPITA selepas mencatatkan 84 peratus kemenangan sekaligus muncul IPTA yang meraih pungutan pingat tertinggi dengan 9 pingat emas, 6 Perak dan 16 Gangsa.

Delegasi UniMAP menghantar 37 produk untuk dipertandingkan dengan 31 daripadanya berjaya meraih pingat. Pertandingan ini dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Produk yang belum dipertandingkan sebanyak 27 produk dan kategori produk baru sebanyak 4.

UniMAP juga menghantar 6 produk bagi kategori junior yang diwakili oleh Pelajar UniMAP dan pelajar-pelajar dari Sekolah angkat UniMAP.

Pencapaian ini adalah sesuatu yang membanggakan memandangkan ini merupakan kali ketiga UniMAP menyertai PEPCIPTA yang mana pada tahun lalu, UniMAP hanya menduduki tempat kelima dengan 2 Emas, 10 Perak dan 3 Gangsa.

Bagi kategori pelajar, UniMAP menghantar 6 produk dan kesemua enam pingat berjaya mencipta kejayaan dengan kilauan 1 pingat Emas, 1 Perak dan 4 Gangsa. Tahniah penyelidik muda UniMAP.

Izinkan saya terus berkongsi tentang kejayaan UniMAP dalam bidang penyelidikan. Pada ***International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX)*** yang diadakan di Kuala Lumpur Mei lalu, kita menghantar 50 produk penyelidikan, dan berjaya meraih tempat **pertama keseluruhan** dengan 11 pingat emas, 24 perak dan 11 gangsa. Justeru, UniMAP dinobatkan sebagai penerima 'Anugerah Patron' kerana pungutan pingat tertinggi. UniMAP turut meraih anugerah *Best Green Invention 2011*.

Di samping itu, UniMAP mencatatkan kejayaan 100% dalam pertandingan *Seoul International Invention Exhibition* yang berlangsung di Korea. Penyelidik UniMAP meraih 4 pingat daripada 4 penyertaan, iaitu 3 emas dan 1 perak. Pada Bahagian Media PNC –Suhana Edited Prof Zuraidah

penyertaan di *British Invention Show*, London, pula, UniMAP menghantar tiga produk penyelidikan dan memenangi 100 % emas dalam pameran ini.

Dari aspek dana penyelidikan, UniMAP turut memperoleh geran antarabangsa iaitu daripada *King Abdul Aziz Science and Technology* (KACST) bernilai RM1.5 juta bagi menjalankan penyelidikan tentang konkrit hijau. Perolehan geran antarabangsa itu menjadikan UniMAP universiti kedua di Malaysia yang menerima geran antarabangsa tertinggi. Dalam masa yang sama, KACST bersetuju mengembangkan lagi skop penyelidikan bersama dengan menambah penajaan sebanyak sekitar RM2 juta.

Selain itu, seorang pensyarah UniMAP, Dr. Ong Hui Lin telah terpilih menerima Anugerah L’Oreal Malaysia For Women in Science Fellowship 2007 (FWIS) dari Syarikat L’Oreal bernilai RM20,000. Beliau merupakan antara tiga penerima terpilih di Malaysia. Anugerah FWIS diperkenalkan di seluruh dunia dan mendapat sokongan serta pengiktirafan daripada Suruhanjaya Negara bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Hadirin yang dihormati sekalian,

UniMAP tidak ketinggalan malah setara dengan IPTA lain dari sudut *outcome* hasil kerjanya. Data kebolehpasaran siswazah UniMAP sejak 2006 hingga 2010 amat memberansangkan. Walau baru berumur 9 tahun, ia telah melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi bagi memenuhi keperluan industri. Secara purata, kebolehpasaran graduan kita ialah 80%, dan mereka ini bertugas di syarikat-syarikat multinasional seperti Western Digital, SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, Pusat Kerjasama Industri UniMAP menganjurkan Program Job Camp, di mana pelajar ditempatkan di industri dengan konsep “*attach and place*”. Ini sebahagian daripada inisiatif untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam Agenda Kritikal PSPTN - iaitu CAP *Graduate Employability*.

Setakat ini, pelajar telahpun menjalani latihan selama empat hingga enam bulan sebelum mereka ditawarkan jawatan sebagai staf tetap di industri tersebut. Di samping meningkatkan peluang graduan, program ini juga membantu

memenuhi kehendak industri bagi mengisi kekosongan dengan tenaga kerja yang muda dan kompeten.

Kekuatan graduan UniMAP semakin terserlah apabila seorang alumni Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan menunjukkan kejayaan apabila menceburkan diri dalam projek penternakan burung walit. Bersama dengan bekas pelajar ini, Insya Allah, UniMAP akan mengendalikan projek yang sama, di mana teknologi tinggi akan digunakan untuk meningkatkan populasi dan pengeluaran hasil burung walit.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada malam ini juga, UniMAP melafazkan peri pentingnya jalinan kerjasama strategik dengan rakan-rakan luar. Kita berjaya memeterai 15 lagi kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan industri di dalam dan luar negara. Semoga dengan kerjasama yang dimeterai ini UniMAP akan terus unggul di persada pendidikan negara sekaligus mencapai sasaran menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang 2015.

Sebagai penutup kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua dif kehormat dan tetamu jemputan khas yang sentiasa menyokong pembangunan dan Bahagian Media PNC –Suhana Edited Prof Zuraidah

kemajuan UniMAP selama ini. Besarlah harapan saya agar sokongan dan kerjasama anda akan berterusan selagi hayat di kandung badan.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat patik sekalian.

Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.